

# Kolej Kedua terima kunjungan UIA

Oleh: NORLIYANA

**SERDANG (7 Jan)** - Kolej Kedua menerima kunjungan muhibbah daripada delegasi Universiti Islam Antarabangsa, Gombak. Delegasi tersebut yang disertai oleh 50 orang pelajar serta 2 orang felo dari dua buah Marhallah iaitu Marhallah(Kolej) Ali dan Marhallah Safiyyah tiba di Kolej Kedua.

Ia bertujuan untuk mendedahkan ahli majlis perwakilan pelajar kedua-dua marhallah tersebut tentang aktiviti, pengurusan, dan kemudahan yang terdapat di kolej kedua serta mengeratkan hubungan antara ahli-ahli perwakilan pelajar dari marhallah tersebut dan ahli majlis tertinggi mahasiswa (MTM) Kolej Kedua.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah sesi beramah mesra antara delegasi UIA dan MTM, lawatan di sekitar kolej dan pembentangan aktiviti dari kedua belah pihak. Lawatan di sekitar kolej dijalankan mengikut kumpulan dan delegasi tersebut telah dibawa untuk melawat blok pelajar iaitu blok Helang dan Merpati serta beberapa bilik dan kemudahan yang terdapat di Kolej Kedua seperti gimnasium, bilik penerbitan, bilik layar jubli, ruang tamu pelajar, bilik perbincangan dan akademik, studio dan pejabat kolej Kedua.

Sesi pembentangan aktiviti kolej pula telah dibuat Sekretariat Akademik dan Pendidikan, Sekretariat Penerbitan dan Informasi, Sekretariat Kebudayaan, Sukan dan Rekreasi. Rombongan UIA juga membentangkan aktiviti mereka seperti aktiviti dari sekretariat Sukan dan Rekreasi, Penerbitan dan ICT serta Sekretariat Dakwah dan Tarbiyyah.

Banyak manfaat yang telah diperolehi dari kunjungan ini di mana kedua-dua pihak dapat mengetahui tentang cara pengurusan kolej serta bertukar-tukar fikiran untuk meningkatkan lagi mutu pengurusan, kemudahan dan aktiviti yang dijalankan di marhallah dan kolej masing-masing.



Pelajar UIA bergambar dengan pelajar Kolej Kedua